

25/02/2003

30 anggota sah sertai mesyuarat

KUALA LUMPUR: Lebih 30 anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) mengesahkan akan menyertai mesyuarat tidak rasmi pertubuhan itu, esok.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, angka itu mewakili lebih dua pertiga daripada 40 negara OIC yang menghadiri Sidang Kemuncak NAM Ke-13 di sini.

Mesyuarat tidak rasmi itu antara lain akan membincangkan isu keamanan sejagat serta konflik di negara Islam termasuk ancaman serangan oleh Amerika Syarikat terhadap Iraq.

Beliau menolak anggapan bahawa mesyuarat itu tidak membawa sebarang makna kerana ia sekurang-kurangnya dapat menghantar mesej kepada dunia mengenai perasaan umat Islam terhadap rancangan untuk menyerang Iraq sekarang.

Sekurang-kurangnya kita menyuarakan perasaan kita, perasaan kemanusiaan, yang bukan saja dinyatakan rakyat di negara OIC malah di Amerika dan Eropah, walaupun orang tidak bersetuju dengan kita," katanya pada sidang akhbar di PWTC petang semalam.

Ditanya apakah sidang tergepar OIC di Doha akan diteruskan juga, Syed Hamid berkata, Malaysia sudah mengesahkan kehadiran pada mesyuarat yang dijadualkan pada 4 dan 5 Mac ini.

Mengenai reaksi delegasi terhadap ucapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Syed Hamid berkata anggota delegasi menyifatkannya sebagai amat baik dan berterus terang.

Katanya, ucapan Perdana Menteri yang banyak menyentuh sejarah dunia banyak memberi kesedaran kepada negara anggota walaupun ada pihak, khususnya media Barat tidak menyukainya,

"Tetapi, CNN tidak suka. Mereka kata ucapan itu tidak seimbang. Apa yang Dr Mahathir jelaskan adalah daripada perspektif pemimpin Islam. Masalah atau konflik yang berlaku di dunia bukan disebabkan sesuatu bangsa atau agama. Ia boleh berlaku kepada sesiapa saja.

"Islam tidak menentang Yahudi sebaliknya Yahudi diberi perlindungan di mana-mana negara Islam. Konflik Israel-Palestin bukan masalah bangsa atau agama tetapi masalah rakyat dibuang dari negara sendiri, menjadi pelarian dan hilang negara. Ia tiada kena-mengena dengan agama," katanya.